

Abdullah gembira rakyat sokong kepemimpinan

BH-28/11/2007

PM sedia terima teguran membina, jadikan kritikan sebagai peringatan

Kadir Dikoh
Kaherah, Mesir



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira dengan hasil kajian sebuah pusat penyelidikan tempatan berhubung penerimaan dan sokongan rakyat sebagai kaum terhadap kerajaan pimpinannya.

"Alhamdulillah, jika itulah yang ditunjukkan kajian berkenaan, saya gembira," kata Perdana Menteri sambil menambah beliau akan terus berusaha bagi menangani masalah rakyat.

Abdullah berkata, beliau juga sedia menerima sebarang bentuk teguran yang membina dan munasabah serta menjadikan kritikan itu sebagai satu peringatan.

"Kita akan terus mentadbir negara seperti apa kita buat sekarang. Mereka yang menyokong kerajaan sekarang, saya ucapkan terima kasih.

"Kepada mereka yang mengkritik kerajaan sekarang, saya ucapkan terima kasih, tetapi pastikan kritikan itu adil dan tidak keterlaluan dan jangan buat keputusan sendiri tanpa mengetahui kebenarannya," katanya pada sidang media di akhir lawatan dua harinya ke Mesir, semalam.

Abdullah yang diiringi isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, diminta mengulas hasil kaji selidik sebuah pusat penyelidikan tempatan Merdeka Centre yang menunjukkan kepemimpinanannya yang memperjuangkan nasib semua kaum, meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat untuk terus menyokong Barisan Nasional (BN).

Selain itu, penambahbaikan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam yang menjadi tumpuan Abdullah sejak mengambil alih kepemimpinan negara, turut mendapat pujian masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Kaji selidik berkenaan dijalankan dengan kerjasama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Berhad.

Abdullah mengakui sejak pelanca-



SELAMAT TIBA: Abdullah dan Jeanne disambut Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam (dua dari kanan); Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said dan bekas Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam ketika tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia Subang selepas lawatan kerja di Kaherah, semalam.

“Kepada yang mengkritik kerajaan, saya ucapkan terima kasih, tetapi pastikan kritikan itu adil dan tidak keterlaluan dan jangan buat keputusan sendiri tanpa mengetahui kebenarannya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ran Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dua tahun lalu, perancangan yang teliti untuk membawa pembangunan bagi kepentingan rakyat itu diterima dengan baik.

Bagaimanapun, kata beliau, pelaksanaan mengambil masa dan yang penting rakyat hendaklah bersama-sama berusaha secara bersungguh bagi mencapai kejayaan pembangunan negara.

Mengenai taktik pembangkang memberi maklumat salah kepada penuntut di universiti tempatan dan luar negara, Perdana Menteri berkata: "Penuntut kita di universiti boleh berfikir dan boleh menilai apa yang baik untuk mereka sekarang dan masa akan datang.

"Kita jaga penuntut kita... kita mahu mereka berjaya, peroleh gred yang

baik, dapat pekerjaan baik dan membantu membina negara. Kita tidak terbabit untuk memprovokasi mereka dengan memberikan maklumat salah. Kita sentiasa positif."

Abdullah juga menolak andaian kononnya lawatan beliau ke sini, adalah kunjungan terakhirnya ke luar negara sebelum mengadakan pilihan raya umum akan datang.

Sambil ketawa mendengar soalan itu, Perdana Menteri berkata, beliau ada menerima tiga hingga empat lagi jemputan untuk melawat beberapa negara selepas ini. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan bila dan negara yang akan dilawatinya itu.

Ditanya mengenai harapan beliau sempena hari lahirnya ke-68 kelmarin, Perdana Menteri berkata: "Saya hanya mahu sihat dan gembira."

EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN